

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 28 RABU 15 JULAI 1970 1390 جمادى الاول رابو 11 PERCHUMA



Pengantin Di-Raja Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah dan Y.A.M. Pengiran Anak Zariah ketika bersanding dalam Istiadat Muleh Tiga Hari.

SUROHANJAYA MENGENAI PELAJARAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah melantek sa-buah Suruhanjaya mengenai Pelajaran.

Suruhanjaya yang mengan-dongi lima orang ahli itu di-penguruskan oleh Timbalan Peguam Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Lai-la Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim.

Lain2 ahli ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri, Awang Abdul Rahman bin Dato Mohd. Taib, Awang Abdul Hamid bin Bakal dan Awang A. D. Bumford.

Sa-buah kenyataan kerajaan ber-kata, Suruhanjaya tersebut di-beri kuasa antara lain untuk melawat dan memeriksa sekolah2 dan badan2 pelajaran lain serta jabatan2 kerajaan dan menemu duga ketua2 jabatan dan pegawai2 lain yang di-fikirkan dapat memberikan bantuan kepada surohanjaya itu.

Suruhanjaya itu juga boleh mene-liti sebarang kertas, dokumen atau surat menyurat yang di-fikirkan-nya ada kaitan dengan kerja-nya.

Pelukis2 di-seru supaya lahirkan karya2 yang berdasarkan identiti negara

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyeru pelukis2 tempatan supaya men-chipta karya2 mereka dengan berasaskan identiti Brunei Darus-salam yang sa-benar-nya.

"Pada mengukirkan senti-men2, perasaan dan impressi hendak-lah sentiasa mengasas-kan kapada identiti negara di-samping mempersaibangkan dengan kemajuan2 sains dan teknologi.

Ini, tidak-lah berarti men-champor adokkan dengan ke-budayaan2 yang telah dan bo-leh terus menerus merosakkan kesentosaan dan ketenteraman fikiran, suasana dan rohani".

Beliau menyatakan demikian sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan pameran senilukis sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke-24 yang berlang-song di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Isnin yang baru lalu.

Yang Amat Berhormat Men-teri Besar sa-terus-nya berkata bahawa tenaga2 yang telah
(Lihat Muka 8)

PERKAHWINAN DI-RAJA SELAMAT BERLANGSONG

BANDAR BRUNEI. — Tembakan meriam sa-banyak 17 das telah bergema di-angkasa sa-bagai menandakan selamat berlangsung-nya Istiadat Perkahwinan Di-Raja antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zariah pada hari Khamis 9 Julai yang lalu.

Istiadat Perkahwinan Di-Raja itu telah di-langsungkan di-rumah besar ayahnda pen-gantin puteri, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.

Sa-baik2 sahaja selesai istiadat bersanding, kedua2 mempelai di-raja itu kemudian-nya di-arak mengelilingi Bandar Brunei dalam sa-buah kenaikan yang di-hiasi khas untuk di-perkenal-kan kapada raayat jelata.

Lebih dari 10,000 orang ter-masok beratus2 orang kanak2 sekolah telah membanjir tepi2 jalan raya yang di-lalui oleh perarakan di-raja itu.

Duli2 Yang Maha Mulia Pa-duka Seri Baginda Sultan dan Raja Isteri dan Duli Yang Ter-amat Mulia Paduka Seri Be-gawan Sultan juga turut meng-iringi perarakan pengantin di-raja itu.

Antara pembesar2 negara yang juga turut dalam perara-kan itu termasuk-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yu-sof, Yang Amat Mulia Chete-ria2, Pengiran2, serta Pehin2.

Pada hari Isnin 13 Julai, kedua pengantin di-raja itu sekali lagi di-arak di-Sungai Brunei.

Dalam perarakan itu, kedua2 pengantin di-raja duduk di-atas sa-buah kenaikan di-raja yang di-hiasi khas — Gagandang dengan di-dahului oleh pegawai2 yang membawa alat2 kebesaran di-raja yang terdiri dari Sinipit, Pedang dan Tombak.

Pasokan pancharagam Pulis Di-Raja Brunei juga turut menyeri-kan perarakan itu dengan memain-kan beberapa buah lagu.

Perarakan itu bergerak dari tam-batan Kastam sa-baik2 sahaja tem-bakan meriam sa-banyak 17 das di-lepaskan.

Lebih dari 50 buah perahu ber-hias mengiringi kenaikan di-raja
(Lihat Muka 8)

Paduka Seri Begawan Sultan berangkat ka-London

Bahawa ada-lah dengan ini di-ma'alomkan ia-itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Be-gawan Sultan dan rombongan akan bertolak dari Brunei me-nuju ka-London pada hari Kha-mis, 16hb. Julai, 1970.

Ketua2 Jabatan dan Pegawai2 Pentadbir Brunei ada-lah di-pinta supaya berada di-Lapangan Terbang Brunei pada jam 12.00 tengah hari untuk meng-ucapkan selamat berangkat kapada Duli Yang Teramat Mu-lia Paduka Seri Begawan Sul-tan.

Pakaian seragam tidak di-kehendaki.

Bagaimana hendak mencapai tujuan ini

Tugas Polis tentang keselamatan jalan raya mesti-lah, di-sebabkan perlu, termasuk chara2 yang sudah jelas seperti yang berikut:—

- (i) **Pendidekan.**
- (ii) **Kejuruteraan.**
- (iii) **Penglaksanaan undang2.**
- (iv) **Perundangan.**

Dalam masa yang lalu, banyak tugas2 masa penoh polis dalam kawalan lalu lintas telah di-sebut sebagai membantu peranan asas penglaksanaan undang2, dan mesti-lah buat masa hadapan, di-berikan keutamaan dan perhatian dalam penglaksanaan undang2. Ini ia-lah:—

Perangkaan:— Faktor2 kemalangan kereta, yang mana analisa-nya akan menghasilkan satu rekod standard berkenaan semua faktor yang perlu bagi merancang langkah2 keselamatan, yang berdasarkan dari hasil pendapatan2 ini dan menyalurkan-nya kepada pelajaran kejuruteraan, penglaksanaan undang2 dan penggubalan undang2.

Penyiasatan:— Menentukan dan melaporkan sebab2, keadaan2 dan lain2 faktor mengenai satu kemalangan lalu lintas dan mendapatkan pendakwaan ka-atas pelanggaran undang2 lalu lintas.

Kejuruteraan:— Bidang kegiatan polis dalam lapangan ini mesti-lah hanya meliputi kepada:—

(a) mengetahui dan mengkaji tempat2 yang banyak berlaku kadar kemalangan;

(b) menyediakan rajah2 mengenai pelanggaran dan keadaan;

(c) menjelaskan contoh2 kemalangan dan mengeshorkan langkah2 mudah untuk mengatasi-nya;

(d) meminta kenderaan dipereksa dan di-siasat.

Penglaksanaan undang2:— Semua kegiatan2 polis berhubungan dengan pengawasan ka-atas kesalahan2 lalu lintas dan tindakan polis yang mesti diambil seperti amaran, pengaduan, menerbitkan saman dan (jika perlu) penangkapan, termasuk chara2 mendapatkan ketaatan sukarela terhadap undang2 oleh anggota2 peronda dalam kereta2 dan motosikal2 yang mudah di-kenali, memasang perangkap kelajuan, dan lain2 dan chara2 yang lebih sederhana dalam kawalan kelajuan seperti memereksa lesen2 memandu dan pengawasan ka-atas pemandu2 yang lesen-nya di-gantong supaya tidak memandu di-jalan raya semasa penggantungan sedang berjalan.

Pengarah:— Pengawasan di-simpang2 semasa perjalanan lalu lintas sedang di-kemuncak kesibokan-nya, mengarah orang2 berjalan kaki dengan perhatian khas di-berikan kepada tempat2 murid sekolah menyeberang. Mengelak dari berlaku-nya kesesakan di-jalan2 raya yang di-sebabkan oleh kereta2 rosak, kemalangan, pembinaan jalan raya dan lain2 halangan yang mengganggu keselamatan dalam pergerakan lalu lintas.

Penggubalan Undang2:— Dengan mengeshorkan kepada badan2 perundangan, penyediaan semula sa-chara menepati ka-atas undang2 dan peraturan2 berdasarkan kepada kenyataan2 yang di-susun dan di-nilai dari penyiasatan kemalangan atau kegiatan2 penglaksanaan undang2.

Mengikuti satu dasar yang bertujuan untuk mengadakan penyelesaian segera ka-atas perbicharaan2 lalu lintas, yang mempunyai kesan saikologi sa-chara tidak langsung ka-atas semua pemandu2 dan lain2 pengguna jalan raya, kerana sa-telah mengetahui bahawa sebarang kesalahan lalu lintas yang di-bawa ka-mahkamah akan di-bicharkan tanpa langkah2 lagi dan ini akan menjadikan satu penghalangan kepada ramai bakal pelanggaran2 undang2 lalu lintas. Pengalaman2 di-banyak negara telah menunjukkan bahawa jika sa-orang magistrate di-kehendaki menyelesaikan perbicharaan2 lalu lintas sahaja, ia akan pelajari ilmu2khas yang tertentu, yang membolehkan - nya memahami penoh dan segera, hingga kepada perkara2 teknikal yang halus dan sulit dalam perbicharaan yang di-bawa ka-hadapan-nya. Berkenaan perkara ini, satu lantikan jawatan seperti ini di-Negeri Brunei tidak shak lagi akan memberikan kesan yang sama dan dengan demikian akan memberikan sumbangan kepada penglaksanaan undang2 keselamatan jalan raya khas-nya dan keselamatan jalan raya umum-nya.

Pendidekan:— Bekerjasama dalam sebarang pendidekan keselamatan lalu lintas dengan meminjamkan nama, alat2 kemudahan dan kakitangan, bagi membantu memajukan satu rancangan lengkap Keselamatan Jalan Raya. Dalam perkara tertentu ini, ada-lah tidak bijak melibatkan polis terlalu banyak dalam pendidekan keselamatan atas alasan bahawa ia mungkin akan mengganggu tugas2 tetap polis.

KESELAMATAN JALAN RAYA

SIRI KEDUA

Pendidekan keselamatan adalah tanggung jawab masyarakat dan pehak polis hanya patut menerima peranan pemimpin dengan tujuan untuk memberikan galakan kepada orang2 persaoangan atau pertubohan2, atau memperkuat badan2 yang bertanggung jawab dalam satu2 masyarakat, dalam usaha2 mereka menampung sa-chara berkesan keperluan2 pendidekan lalu lintas.

Chara yang terbaik sekali yang dapat di-terima oleh pehak polis dalam melibatkan diri ia-lah menerbitkan siaran2 akhbar bagi maalam orang ramai mengenai perubahan2 berfaedah yang muncul dari penyiasatan2 kemalangan atau butir2 perangkaan, kemuculan chara2 baru dalam pengawasan lalu lintas, kesalahan2 yang selalu di-lakukan dan lain2 keterangan mengenai keselamatan lalu lintas.

Jika kita boleh memanggil chara yang terkemudian itu sebagai propaganda, sambil menghargai bahawa propaganda ada-lah perlu bagi membuat orang ramai sadar dan taat kepada undang2 yang adil, maka dari satu kesan yang bertentangan, sa-tengah dari faedah penggubalan undang2 ia-lah ia-nya boleh menjadi satu chara propaganda yang terbaik sekali. Sa-lepas dari itu akan di-hargai bahawa penggabungan kedua2-nya akan memberikan kesan besar ka-atas keselamatan jalan raya. Sebarang rancangan bagi keselamatan jalan raya mesti-lah di-dahului dan di-seritai oleh seberapa banyak propaganda yang boleh. Kedua2-nya ada-lah sangat perlu dan jika angka2 kemalangan hendak di-kurangkan, undang2 dan propaganda mesti-lah seberapa banyak di-gerakkan bersama.

Langkah2 keselamatan jalan raya yang dapat di-ujudkan sa-tempat dan segera ia-lah:—

Panggung wayang tempatan:— Filem2 slides dengan chogan2 kata keselamatan dan keterangan2 mengenai kemalangan2 tempatan.

Risalah2:— Kapada ibu bapa yang di-hantarkan menerusi kanak2 sekolah dengan memberikan keterangan2 mengenai kemalangan2 tempatan (dekat sekolah dan nama kanak2).

Penarohan kereta:— Mengadakan kawasan2 yangenchukupi dan mudah bergerak supaya dapat mengadakan pandangan yang luas dan mengelakkan kesesakan lalu lintas.

Bulatan Perlindungan:— Bulatan2 ini dapat memberikan bantuan besar kepada orang2 berjalan kaki menyeberangi jalan yang sibok. Jika jalan itu tidak begitu luas bagi membena sa-buah bulatan dan kemudahan2 lalu lintas bagi kenderaan2 berat, maka pertimbangan mesti-lah di-berikan untuk menjadikan jalan itu jalan sahala.

Pagar2 besi:— Ini ada-lah khusus-nya berguna di-depan jalan2 keluar yang sibuk seperti pintu2 pagar sekolah dan tempat2 menyeberang di-simpang2 jalan.

Penjaga lalu lintas menyeberangi sekolah:— Pengawasan yang selalu di-adakan oleh pehak polis ada-lah chara yang terbaik sekali bagi mengelakkan kemalangan, tetapi jika tidak mungkin selalu mengadukan polis yang menchukupi bagi tugas ini, maka perlu bagi menggantikan tempat polis itu.

Lampu2 lalu lintas (Dikendalikan untuk orang berjalan kaki):— Perbelanjaan lampu2 lalu lintas ada-lah kurang dari perbelanjaan membayar gaji polis atau penjaga lalu lintas dan lampu2 itu sa-lepas di-pasang, memerlukan pemeliharaan yang sangat sedikit. Lampu2 lalu lintas adalah di-fahamai seluruh dunia dan umum-nya di-hormati oleh pemandu2 kenderaan dan dengan demikian akan memberikan peluang yang selamat bagi kanak2 menyeberangi jalan sa-chara yang dapat di-harapkan dari segi peri kemanusiaan. Penchegahan dan Peranchangan.

Penglaksanaan Keselamatan Jalan Raya memerlukan satu asas untuk meranchangkan bagi masa hadapan:—

(a) melindungi orang persaoangan;

(b) memperbaiki kemudahan2 keselamatan dan selepas itu meranchang bagi menambatkan kegunaan jalan2 raya untuk lalu lintas orang2 berjalan kaki dan kenderaan.

Bagi melakukan ini, ada-lah perlu untuk kembali semula kepada kedudukan asal dimana, dengan chara tidak senghaja atau penchabulan, keselamatan sa-saorang telah di-ancham dan menyiasat sebab-nya, ia-itu kemalangan.

Gambaran umum bagi kedudukan kemalangan jalan raya mudah di-ketahui dari laporan perangkaan yang di-dapati dalam tahun2 yang berbeza atau dari waktu2 lain yang sesuai

(Lihat Muka 6)

MENURUT sa-buah hadith, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

"Rebut-lah lima perkara sa-belum datang lima perkara — muda sa-belum engkau tua, sehat sa-belum engkau sakit, kaya sa-belum engkau miskin, senang sa-belum engkau susah, hidup sa-belum engkau mati".

Kelima2 perkara yang tersebut tadi, ada-lah nikmat2 yang maha besar kepada manusia khas-nya. Oleh itu patut-lah sa-sipa yang mendapat kelima2 perkara ini mengambil peluang untuk menggunakan dengan baik menurut kehendak Allah dan Rasul-nya. Kalau-lah kita tidak pandang dari maksud hadith Rasulullah s.a.w. tadi, baginda telah menerangkan bahawa dari keadaan muda kemudian sehat, kemudian kaya, senang dan sa-terus-nya hidup sa-belum mati.

Kalau-lah kita mengambil panduan dari hadith ini, ia-itu kalau hanya bermaksud untuk menggunakan muda itu hanya sa-mata2 melepaskan hawa nafsu yang tidak di-kendalikan oleh akal fikiran dan hukum shara', maka sudah tentu-lah

HIDUP BUKAN UNTOK MENCHARI KEPUASAN HATI

KHUTBAH JUMA'AT

"Rebut-lah lima perkara sa-belum datang lima perkara — muda sa-belum engkau tua, sehat sa-belum engkau sakit, kaya sa-belum engkau miskin, senang sa-belum engkau susah, hidup sa-belum engkau mati"

itu akan sia2 pada hakikat-nya, sa-kali pun ia-telah menggunakan muda-nya itu dengan baik pada dzahir-nya. Bagitu juga kesihatan yang di-perolehi itu di-gunakan untuk bekerja demi untuk menchari harta atau berbuat perkara2 yang ti-

dak di-suroh oleh shara', sa-kali pun pada dzahir-nya dia telah menggunakan kesihatan itu. Sa-terus-nya kekayaan yang di-perolehi itu di-gunakan bukan pada tempatnya. Bagitu juga kelapangan dan kesenangan, jangan-lah di-gunakan ha-

nya untuk bersiar2 dengan menghabiskan masa terbuang bagitu saja.

Akhir - nya Rasulullah s.a.w. telah mengingatkan bahawa hidup itu hendak-lah digunakan untok mati, bukan hidup itu untok menchari kepuasan hati.

Di-dalam hadith ini, dapat-lah kita fahamkan bahawa kelima2 nikmat yang maha besar itu ada-lah untok manusia mengingat akan nikmat yang penghabisan, ia-itu hidup sa-belum mati, kerana jika sa-kira-nya sa-seorang telah terlepas dari satu nikmat itu, maka dia tidak akan dapat mengechap nikmat itu sa-mula, sa-lain daripada datang-nya penyesalan.

Maka dari sebab itu-lah sa-belum umat Islam menyesal, maka hendak-lah di-gunakan nikmat2 itu sa-belum ia-nya menghilang. Dan untok menggunakan-nya pula hendak-lah berdasarkan yang di-haruskan oleh shara', kerana sa-seorang yang menggunakan yang mana bukan di-haruskan oleh shara', mereka akan rugi dan mendapat balasan seksa di-akhirat. Ini dapat kita fahamkan dari firman Allah Subahanahu-wataala di-dalam Al-Quran surah Hud ayat 15 dan 16 yang bermaksud:

Siapa yang ingin kepada kehidupan yang dekat (dunia) dan perhiasan, kami bayar chukup kepada-nya perbuatan-nya itu di-dunia ini, dan mereka tidak di-rugikan. Orang2 itu tiada mendapat di-hari kemudian sa-lain dari neraka. Di-sana tidak berguna apa2 yang telah mereka usahakan dan terbuang perchuma apa yang mereka telah kerjakan".

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan kepada seluruh kaum muslimin hendak-nya-lah mengerjakan segala yang di-suroh oleh Allah dan meninggalkan segala apa jua yang di-tegah-nya. Semuga kita di-ampuni oleh Allah dan di-masokan ka-dalam gulungan orang2 yang salih. Amin ya rabul alamin.

Pegawai Pemerintah pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Col. J. J. H. Simpson (kanan sekali) sedang menguchapkan selamat belayar kepada anggota2 regiment itu yang telah bertolak ka-United Kingdom pada hari Rabu lepas.

Rombongan yang mengandongi kira2 200 orang anggota itu akan mengambil bahagian dalam pertandingan tattoo di-United Kingdom.

Mereka akan menunjokkan kebudayaan Brunei dalam pertunjukkan Royal Tournament di-Earls Court, London, the Endinburgh, the Crieff Highlands Games dan the Colchester.



Peraduan Ratu Keputeraan

KUALA BELAIT.—Peraduan Ratu Keputeraan telah di-masokkan dalam rancangan perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-24 tahun bagi Daerah Belait.

Peraduan itu akan di-adakan di-majlis tari menari Hari Keputeraan di-Kelab Shell pada 25 Julai.

Peraduan terbuka kepada wanita2 yang berumur 16 tahun ka-atas yang tinggal di-negeri ini tidak kurang dari tiga bulan.

Pemenang pertama dalam peraduan itu akan di-hadiahkan tiket kapal terbang pulang

balek ka-Kuching dan tempat kedua akan di-hadiahkan tiket kapal terbang ka-Kota Kinabalu dan balek.

Borang2 untok menyertai peraduan itu boleh di-dapati dari Setia Usaha Dayang Anne Liew, Sharikat Minyak Shell Brunei Seria, Nombor Talipon 2715, Awang Salleh Samad, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Nombor Talipon 314, Awang Augustine Th'ng, Brunei Press Kuala Belait atau Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim, Jabatan Penyiriran dan Penerangan, Kuala Belait.

Semua permohonan hendak-lah di-hantarkan tidak lewat dari 20 Julai.

Tiket2 bagi Majlis Tarian Hari Keputeraan ia-lah \$5.00 bagi pasangan dan \$3.00 bagi sa-orang dan tiket2 itu boleh juga di-dapati dari nama2 yang di-sebutkan tadi.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 15 Julai 1970 hingga ka-hari Selasa 21 Julai 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
15 Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13
16 Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14
17 Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14
18 Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14
19 Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14
20 Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14
21 Julai	12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

15hb. Julai, 1970.

PUJA USIA
D.Y.M.M.

SELUROH lapisan raayat Negeri Brunei Darussalam, hari ini akan memulakan satu perasaan mereka yang baru pada menumpahkan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi terhadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sempena hari keputeraan baginda yang ke-24 yang jatuh pada hari ini.

Bagi meraikan sambutan hari keputeraan baginda itu, sejak dua tiga hari yang lalu, Bandar Brunei telah mula di-hiasi dengan pintu2 gerbang, lampu2 chuchul di-sepanjang jalan dari bandar hingga ka-Istana Darul Hana dan bangunan2 di-kawasan bandar dan rumah2 dalam dan luar bandar di-tokok dengan perhiasan2 anika rupa dengan sulaman lampu2 chuchul yang berkerdipan di-waktu malam. Keindahan ibu kota amat jelas di-lihat pada waktu ini yang membayangkan keindahan jiwa dan ketaatan raayat pada mendukung sebarang usaha baginda yang sa-jauh ini telah dilaksanakan atas landasan2 yang berkebaikan untuk negara, bangsa dan ugama.

Sa-bagai kepala negara, baginda telah kerap kali menunjukkan keinginan yang amat mendalam, malah di-jadikan asas utama dalam pemerentahan kerajaan baginda untuk melaksanakan projek2 anika jurusan yang bukan hanya untuk benar2 menchiptakan kemakmoran yang tiada tara-nya di-rantau sa-belah sini, bahkan yang lebih di-utamakan ia-lah untuk kesejahteraan raayat.

Dalam titah2 baginda yang di-lafadzkan pada masa2 yang lalu, baginda tidak pernah meninggalkan dari menyebutkan hasrat utama baginda dan kerajaan supaya Negeri Brunei Darussalam ini dan seluroh isi dalam-nya sentiasa menikmati keamanan dan ketenteraman. Baginda tidak rela, malah akan melaksanakan tindakan2 yang tegas jika keamanan dan ketenteraman yang di-pelihara dengan sebaik2-nya itu di-chabul oleh kegiatan2 dari anasir2 yang menimbulkan perpechahan.

Hanya dengan kekal-nya keamanan dan ketenteraman itu, maka segala ranchangan2 akan dapat mencapai kapada matalamat-nya. Dan, bagitu juga dengan kemakmoran ada-lah di-yakin akan sentiasa hidup segar dan di-nikmati jika kita sentiasa di-selimuti oleh suasana keamanan dan ketenteraman.

Kerana itu, baginda sering menitahkan seruan2 kapada seluroh raayat supaya memberikan kerjasama yang erat untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman itu. Di-samping itu, baginda juga melaksanakan langkah2 yang bijak di-segi ketenteraan dan mengadakan perundingan2 yang penting dengan kerajaan Baginda Queen di-London atas soal2 penting mengenai keselamatan negeri ini.

Hari ini seluroh raayat akan mengikrarkan ta'at setia mereka dalam persembahan2 ucapan. Maka apa yang di-harapkan dari ikrar itu ia-lah mudah2an akan benar2 di-praktikkan dan tidak akan merupakan chorat-chorit di-atas kertas atau di-atas kain lembut sahaja.




Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar, Pengiran Anak Yusof, kakanda kapada pengantin puteri Di-Raja mengiringkan pengantin puteri untuk berangkat sa-lepas Istiadat Bersanding.

Begini-lah suasana perarakan pengantin Di-Raja yang di-saksikan oleh beribu2 raayat yang datang dari seluroh pelusok tanah ayer.

Dalam Istiadat Bersanding, mempelai Di-Raja itu sama menadah tangan ketika di-bachakan do'a selamat oleh Mufti Kerajaan, Y.D.M. Pehin Dato Seri Maharaja Dato Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Wajah mempelai Di-Raja ketika di-gambar sa-chara dekat dalam masa do'a selamat di-bachakan.


D.Y.M.M. sedang menapakkan t a n g a n Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir ka-umbun2 pengantin puteri Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zariah sa-jurus sa-belum Istiadat Bersanding Di-Raja di-mulakan dengan iringan tembakan meriam sa-banyak 17 das.



Duli2 Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Raja Isteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Alauddin Riayatullah III dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultanah Aminah, mengiringkan do'a selamat berangkat kerabat2 Di-Raja sama2 mengaminkan do'a mas selamat berangkat Istiadat Perkahwinan Di-Raja itu.


GAMBAR2 DI-SEKITAR IS

Pengantin Di-Raja, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zariah ketika menjalani Istiadat Bersanding.





Paduka Seri Baginda Sultan dan Baginda
Mulia Paduka Seri Begawan Sultan serta
angaminkan do'a ans selamat berlangsong-nya
Perkahwinan Di-Raja itu.




Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul
Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah ketika menjalani
Istiadat Akad Nikah yang di-laksanakan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya
Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain di-Masjid Omar
Ali Saifuddin pada 7 Julai.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan ketika menun-
ton pengantin Di-Raja Y.T.M. Seri Paduka Duli
Pengiran Perdana Wazir ka-Istiadat Bersanding di-
rumah besar ayahnda pengantin puteri, Y.T.M. Seri
Paduka Duli Pengiran Pemancha.

DI-SEKITAR ISTIADAT PERKAHWINAN DI-RAJA

M. Seri Paduka Duli Pengiran
Himmah Wal-Waqar Muda
Yang Amat Mulia Pengiran
menjalani Istiadat Bersanding.



Kenaikan yang di-hiasi khas yang membawa mempelai Di-Raja dalam
perarakan mengelilingi bandar untuk di-perkenalkan kepada raayat
jelata.



Pancharagam Pulis Di-Raja Brunei telah mengepalai perarakan per-
kahwinan Di-Raja dengan di-ikuti oleh pegawai2 yang membawa alat
perhiasan Di-Raja dan sa-terus-nya perarakan mempelai Di-Raja yang
indah permai itu.

Pengantin Puteri, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zariah dengan
di-iringkan oleh Datin Hajjah Salmah, Isteri Menteri Besar, Yang Amat
Mulia Pengiran Setia Negara, ketika berangkat ka-pelamin Di-Raja
untuk Istiadat Bersanding Pengantin Di-Raja itu.

Pendaftaran semula kad pengenalan mulai 1 Ogos

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran semula bagi orang2 yang berumur 17 tahun dan kebawah apabila mereka mendapat kad2 pengenalan dalam tahun 1965 akan bermula pada 1 Ogos, 1970.

Pendaftaran semula itu akan di-jalankan mengikut Peratoran 16 dari Undang2 Pendaftaran Kebangsaan, 1964 yang menghendaki semua orang2 seperti itu mendaftar semula lima tahun sa-lepas pendaftaran pertama.

Kerja2 pendaftaran semula itu akan di-jalankan sa-tiap hari di-pejabat Pesuruhjaya Pendaftaran Kebangsaan untuk membolehkan orang2 yang terlibat oleh peratoran dari undang2 itu mendaftar semula apabila genap tempoh masanya.

Pendaftaran semula itu boleh di-buat di-pejabat pendaftaran di-Bandar Brunei, Kuala Belait, Seria, Tutong atau Bangor di-Temburong mulai 1 Ogos.

Borang permohonan untuk mendaftar semula boleh di-dapati dari mana2 pejabat tersebut.

Sa-orang pemohon ada-lah di-kehendaki membawa bersama Kad Pengenalan, 2 keping gambar dan setem yang berharga 50 sen.

Bagi pemohon2 yang berkehendakan pembetulan pada butir2 yang mustahak seperti nama, tarikh lahir dan lain2nya, surat keterangan hendaklah di-bawa bersama.

Undang2 itu juga mensyaratkan bahawa pemegang2 Kad Pengenalan yang tidak mematuhi peratoran ini ada-lah melakukan kesalahan yang mana mereka boleh di-penjara atau di-denda atau pun kedua2nya.

Peraduan kanak2 di-Daerah Belait


KUALA BELAIT. — Peraduan Kanak2 telah di-masokkan dalam ranchangan perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-Daerah Belait. Peraduan itu akan diadakan di-KBRC pada petang 25 Julai.

Sa-orang juruchakap bagi penganjor2 peraduan itu berkata, hanya kanak2 yang berumur di-antara 6 dan dua tahun sahaja akan di-terima dan mereka hendaklah mendaftarkan nama tidak lewat dari 19 Julai melalui kelinik2 kerajaan di-Seria dan Kuala Belait.

Kanak2 yang belum pernah di-bawa ka-kelinik2 di-daerah itu mesti-lah di-serai dengan sijil2 beranak, keterangan2 mengenai berat, dan tinggi semasa di-lahirkan dan sijil2 suntikan jika ibu bapa2 mereka ingin hendak memasokkan anak2 mereka bertanding dalam peraduan itu.

Peraduan itu akan di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu bahagian "A" bagi kanak2 yang berumur di-antara 6 dan dua belas bulan dan "B" bagi kanak2 yang berumur di-antara 12 bulan dan dua tahun.

BARANG2 MUZIUM BRUNEI.....13



Nama: Gangsa.

Penerangan: Gangsa menurut istilah Brunei, atau **dulang berkaki** ada-lah alat yang selalu di-gunakan dalam upacara2 beradat, terutama dalam istiadat menghantar tanda; menghantar berian; adat "makan berhias" dan sa-bagainya. Sa-benar-nya gangsa di-gunakan sa-bagai alat untuk menaruh, membawa barang2 baik dalam adat istiadat mahupun urusan2 persendirian.

Gangsa yang di-buat daripada tembaga ini membuat ukiran bunga **ayer muleh** pada tepi atas badan-nya. Ia-nya ada-lah buatan Brunei.

Gangsa ini di-beli di-Daerah Belait dalam tahun 1966.

Sukatan: Lebar atas 22".

Lebar kaki 9".

Tinggi 9".

Keselamatan jalan raya

(Dari Muka 2)

dan kemudian mentafsirkan malumat ini. Untuk melakukan ini dalam chara yang mudah, malumat di-rekodkan mengenai perubahan jumlah lalu lintas menggunakan jalan raya itu dan jumlah pendaftaran kenderaan dari sa-tahun kasa-tahun.

Malumat seperti ini adalah khusus-nya penting kepada peranchangan2 jalan2 raya baru, dan sistem2 jalan baru.

Satu pengertian mengenai perubahan2 tentang selalu berlaku-nya kemalangan, dengan perubahan2 itu di-kaitkan dengan kebaikan jalan raya, pemandu, orang2 berjalan kaki, kenderaan, waktu, musim, kesesakan lalu lintas, ada-lah kesemua-nya menjadi faktor2 yang sentiasa munchul dalam masaalah membuat keputusan mengenai keselamatan jalan raya dan memilih chara2 yang terbaik sekali bagi mengurangkan kemalangan dan menimbangkan kesan2 dari berbagai chara dan langkah yang telah di-ambil.

(bersambung)

Nama baru bagi Sekolah Inggeris K.B.

KUALA BELAIT. — Sekolah Inggeris Kuala Belait telah dinamakan Sekolah Inggeris Perdana Wazir.

Pengarah Pelajaran Dato Seri Laila Jasa Malcolm MacInnes berkata, perubahan nama sekolah itu ada-lah di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bersempena dengan Istiadat Perkahwinan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammed Bolkihah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zariah.


Satu usol di-luluskan

KUALA BELAIT. — Majlis Mashuarat Daerah Belait telah mengadakan sidang bulanan-nya di-bilik persidangan pejabat2 kerajaan Kuala Belait, pada hari Rabu lepas.

Majlis itu telah meluluskan satu usol oleh Awang Abdul Wahid bin Haji Wahab wakil kawasan Liang, yang menyampaikan rasa penghargaan dan sokongan terhadap seruan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengamalkan bahasa dan tulisan Melayu, oleh semua perengkat penduduk negeri ini, sesuai dengan maksud perlembagaan negeri.

Dalam mashuarat itu, beberapa orang ahli juga telah memberikan ucapan2 penangguhan.

Majlis itu telah di-penguruskan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Alikhan bin Abdul Khan.



Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, selaku Pengakap Agong Brunei telah melawat ibu pejabat pengakap negeri yang sedang dalam pembinaan di-Batu 4, Jalan Gadong pada minggu lepas.

Tuan Yang Terutama dalam lawatan itu telah di-iringi oleh Awang Ali Daud, Pengurus Agong, Awang Shahbudin bin

Saleh, Timbalan Pesuruhjaya Pengakap Negeri dan Awang Yahya bin Mohd. Yusof, Pesuruhjaya Latehan.

Pembinaan ibu pejabat menelan belanja kira2 \$150,000 telah di-mulakan awal tahun ini dan ia-nya di-jadualkan siap akhir tahun ini.

Gambar atas menunjukkan Awang Adair bersama2 dengan pegawai2 pengakap ketika dalam lawatan itu.

Sa-bagai Bilal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Uga-ma, Brunei. Jawatan ini ialah bagi Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong.

Hanya orang2 yang tinggal di-daerah Tutong di-kehendaki me-mohon:—

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mahir dalam mem-bacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Uga-ma Islam.

c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardhu Kifayah bila2 masa di-kehendaki.

d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Uga-ma, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U2 — \$200 x 10 — 400.

Permohonan2 yang mesti di-pe-nohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Per-jawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 25 Julai, 1970.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DAN TAWARAN

Sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan Bru-nei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah bangsa Me-layu, dan telah lulus Sijil Perse-kolahan Seberang Laut, dan lulus sekurang2-nya darjah VI Sekolah Melayu. Chalun2 hendak-lah boleh membacha dan menulis tulisan Jawi.

Gaji:

Gaji bagi jawatan ini ia-lah da-lam tingkatan \$380 x 20 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620 atau da-lam tingkatan \$660 x 30 — 900. Tingkatan gaji yang di-pakai dan gaji permulaan akan bergantung kepada kelayakan2 dan pengala-

man bagi pemohon2 yang ber-jaya.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bu-kan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek se-lama 3 tahun termasuk masa per-chubaaan selama 6 bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Bakiss:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, bakiss sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Bakiss tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

CHUKAI PENDAPATAN:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhid-matan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-pe-nohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Per-jawatan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembali-kan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak le-wat daripada 27 Julai, 1976.

TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH MENENGAH UGAMA (ARAB) LELAKI HASSANAL BOLKIAH

DAN

SEKOLAH MENENGAH UGAMA (ARAB) PEREMPUAN RAJA ISTERI ANAK DAMIT BRUNEI 1970/1971

Pemborong2 ada-lah di-pelawa menghantarkan tawaran mereka untuk membekalkan barang2 men-tah bagi keperluan kedua2 buah sekolah yang di-sebutkan di-atas mulai 1hb. September, 1970.

2. Segala tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengurus Lem-baga Tawaran, di-alamat Pejabat Kewangan Negara Brunei dan hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat berdaftar (sealed) dan di-sampul tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWA-RAN BARANG2 MENTAH SE-KOLAH MENENGAH UGAMA (ARAB) LELAKI HASSANAL BOLKIAH DAN SEKOLAH MENENGAH UGAMA (ARAB)

PEREMPUAN RAJA ISTERI ANAK DAMIT, 1970/1971".

3. Wang chengkeram sabanyak \$100/- (Saratus ringgit sahaja) hendak-lah di-berikan kepada Pegawai Kewangan Negara, Brunei bagi ja-minan tawaran tersebut.

4. Tawaran hendak-lah di-hantar tidak lewat dari 20hb. Julai, 1970, Hari Ithnin, jam 4.00 petang, dan jika tawaran tersebut lewat di-terima dari tarikh yang di-sebut-kan tidak akan di-layan.

5. Borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Jabatan Hal Eh-wal Uga-ma, Brunei pada bila2 ma-sa sa-waktu Pejabat di-buka.

6. Kerajaan tidak akan terikat menerima sa-barang tawaran yang paling murah atau saumpama-nya.

Tawaran untuk menguruskan sa-buah kantin di-Bagunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Bandar Brunei

Tawaran2 ada-lah di-pelawa un-tok menyewa bagi mengurus perkhidmatan sa-buah kantin di-bangunan yang di-nyatakan di-atas selama dua tahun dari 1 Septem-ber, 1970.

Penawar yang berjaya akan di-kehendaki mengadakan perkakas2 dapor yang perlu, peti2 sejok pi-sau, sudu dan gerpu, pinggan mang-kok dan perkakas2 minum dari darjah yang jenis yang di-luluskan oleh Setia Usaha Kerajaan.

Penawar yang berjaya tidak di-benarkan menyewakan kantin itu kepada orang lain tetapi mesti-lah menguruskan perkhidmatan itu sendiri.

Penawar yang berjaya mesti-lah membayar sewa suka tahun sa-kali sa-belum di-benarkan ber-niaga.

Kantin itu ada-lah di-buka ka-pada kaki-tangan jabatan Kerajaan tetapi tidak di-bukakan kepada orang ramai kechual saperti ber-ikut:—

i) Orang2 yang mempunyai uru-san dengan jabatan Kerajaan.

ii) Orang ramai yang menghad-hiri sa-barang pertunjukan di-De-wan bagunan tersebut.

Kantin akan di-buka dari jam 6.30 pagi hingga 10.00 malam pa-da tiap2 hari, termasuk hari Juma'-at, Ahad dan kelepasan awam.

Pekerja2 yang menchukupi mes-ti-lah di-adakan untuk mengawas kantin dan menawarkan perkhid-matan kepada kaki-tangan Kera-jaan.

Pemborong itu akan di-kehen-daki menjual minuman ringan, makanan, rokok, teh dan kopi tetapi minuman yang memabokkan tidak di-benarkan di-jual. Semua makanan, minuman dan lain2 bar-ang yang di-jual mesti-lah meng-iikut harga yang telah di-persetujui di-antara Setia Usaha Kerajaan dan Pemborong.

Pemborong ada-lah bertanggung jawab untuk membayar tuntutan pemakaian ayer, letrik dan gas.

Penawar yang berjaya akan di-berikan menyewa selama 2 tahun buat pertama kali-nya. Ia akan di-kehendaki mengikut semua arahan yang mungkin di-beri dari masa ka-semasa oleh Setia Usaha Ke-rajaan berhubung dengan pengu-rusan kantin itu.

Tawaran2 yang bertanda "Per-khidmatan Kantin untuk Jabatan Penyiaran dan Penerangan" mesti-lah sampai kepada Pengurus Lem-baga Tawaran Brunei, Jabatan Ke-wangan Negara Bandar Brunei sa-belum jam 4.00 petang 20 Julai, 1970.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang tinggi sa-kali atau sa-barang tawaran; per-timbangan akan di-berikan kepada darjah perkhidmatan yang dapat di-tawarkan oleh Pemborong. Ma-ka dengan sebab itu, ada-lah perlu bagi penawar2 menyatakan penge-laman mereka mengenai penguru-san perkhidmatan sa-buah kantin.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Biar-lah karya itu berunsurkan kenegaraan—M.B.

(Dari Muka 1)

terukir pada masa ini mempunyai pengaruh yang tertentu bukan sahaja untuk jenerasi zaman ke-70an ini, bahkan juga akan menjadi satu peristiwa dan menjadi baki sejarah pada masa yang lebih panjang.

Beliau menekankan bahawa sentimen, ekspresi dan perasaan yang terukir itu akan disifatkan sebagai rekod kejadian pada masa ia-nya dibuat dan bakal menjadi bahan ukuran oleh jenerasi yang akan datang mengenai Brunei Darussalam pada zaman kita ini.

Kapada pelukis tanah ayer, beliau merasa penoh yakin yang mereka ini tidak akan tergelincir daripada garis yang di-maksudkan oleh negara dan membentok sa-suatu tanpa berdasarkan keadaan yang terdapat di-Brunei.

Mengenai dengan karya pelukis asing, beliau berharap kapada pelukis tempatan supaya karya2 asing itu tidak akan mempengaruhi mereka, kerana dengan berbuat demikian sudah tentu-lah mereka tidak berkemampuan untuk mengukir originaliti terhadap sa-suatu.

Beliau menasihatkan bahawa untuk membuktikan tanggungjawab pelukis tempatan terhadap karya masing2, maka biar-lah karya2 itu selaras dengan unsur2 kenegaraan, kebangsaan, keagamaan dan kebudayaan kita sendiri.

"Hanya bersandarkan kapada prinsip2 ini-lah kita akan dapat membentok keperibadian sendiri di-samping dapat pula melaksanakan peranan pelukis dalam pembangunan negara", tegas beliau.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah juga menimbulkan tentang nilai lukisan realistik dan abstrak dan menasihatkan pelukis2 tempatan supaya terlebih dahulu mendalami kehendak yang penting dalam penghasilan kedua2 karya itu.

"Kapada saya lukisan realistik ada-lah memberikan fahaman yang nyata, tetapi lukisan abstrak kadang2 sa-akan2 seperti bekas limpan telor mentah di-dinding—sungguhpun kapada para pelukis yang hasil karya demikian tinggi mutu-nya", ujar beliau.

Beliau berpendapat bahawa yang amat mustahak ia-lah penentuan jurusan dan jangan-lah menerjunkan diri ka-jurusan abstrak sebelum benar2 mengenal apakah realistik itu.

"Picasso dari Perancis, misalnya, telah mencheburkan diri-nya ka-jurusan abstrak, hanya sa-lepas mengenal realistik", kata beliau.



Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof ketika berucap sa-belum merasmikan pembukaan pameran itu. Di-belakang ia-lah, Pengerusi Pameran, Pg. Asmalee dan duduk di-sebelah kanan ia-lah Pegawai Daerah, Pg. Dato Paduka Hj. Abd. Rahman.

Melekatkan iklan2 di-kawasan simpanan jalan raya ada-lah melanggar undang2

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Pengarah Kerja Raya, Awang Abdul Aziz Umar Al-Haj telah memberi amaran kapada orang ramai terutama agent2 perniagaan dan pekedai2 supaya jangan melekatkan tanda2 iklan seperti iklan2 bagi LACTOGEN dan DUMEX di-kawasan2 simpanan jalan raya ia-itu seperti di-pokok2 kayu yang termasuk dalam kawasan2 simpanan jalan raya.

Beliau berkata, agent2 perniagaan dan orang ramai yang telah melekatkan iklan2 di-kawasan simpanan jalan raya itu ada-lah melanggar undang2.

Pemangku Pengarah Kerja Raya itu juga mengingatkan orang ramai supaya tidak menggunakan kawasan2 simpanan jalan raya untuk mendirikan pondok2, bangsal dan lain2 bangunan seperti pagar memagar dan sa-umpama-nya.

Beliau berkata, penggunaan kawasan2 itu sa-bagai tempat menyimpan apa benda jua pun ia-itu seperti batu, kayu dan lain2 ada-lah juga bertentangan dengan Undang2.

Awang Abdul Aziz Al-Haj berkata, langkahan2 sedang diambil untuk membuka iklan2 itu dan tindakan akan diambil untuk mengatasi masa'alah penggunaan sa-chara haram itu.

Pemangku Pengarah Kerja Raya itu meminta agent2 perniagaan dan orang ramai yang berkenaan supaya membuka iklan2 tersebut.

Beliau mengingatkan jika kerajaan terpaksa melakukan kerja pembebasan kawasan2 itu daripada pemakaian tersebut, maka perbelanjaan bagi faedah2 ini boleh di-kenakan kapada pihak2 yang memileki benda2 yang terlibat.

Rombongan pengambilan orang2 baru

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan dari Askar Melayu Di-Raja Brunei akan melawat ka-kampung2 yang disebutkan di-bawah ini untuk menemu duga pemuda2 yang ingin berkhidmat dengan pasukan ini.

Rombongan itu pada mulanya akan berada di-Kampung Bukit dalam Daerah Tutong pada 20 Julai ini. Pada 21 Julai di-Kampung Ukong dan Bukit Udai, 22 Julai di-Kampung Rambai.

Pada 23 Julai rombongan itu akan berada di-Kampung Bukit Sulang, 24 Julai di-Kampung Lamunin, 27 Julai di-Kampung Birau dan 28 Julai di-Kampung Sinaut.

Pemuda2 yang ingin berkhidmat hendak-lah maseh bujang berumur di-antara 18 dan 25 tahun. Tinggi tidak kurang dari lima kaki satu inci dan berat badan tidak kurang 110 pound.

Mereka mesti-lah terdiri dari rakyat Brunei.

SAMBUTAN PUJA USIA D.Y.M.M. YANG KE-24

BANDAR BRUNEI. — Upacara perbarisan kehormatan bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan berlangsung pagi ini (Rabu) di-Padang Besar Bandar Brunei.

Duli Yang Maha Mulia genap berusia 24 tahun pada hari ini 15 Julai.

Perbarisan yang di-dahului oleh pasukan 2/2nd King Edward's Own Gurkha Rifles itu ada-lah mengandungi pasukan Askar Melayu Di-Raja dan Pulis Di-Raja Brunei dan ia-nya akan di-mulakan pada jam 7.15 pagi.

Tujuh buah pertubuhan awam juga akan mengambil bahagian dalam perbarisan tersebut.

Pancharagam Pulis Di-Raja Brunei akan mengiringi perbarisan tersebut.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan menerima dan membalas tabek kehormatan dari atas sa-buah pentas yang dibina khas untuk upacara perbarisan itu.

Tuan Yang Terutama Persurujaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, Pehin2 serta pegawai2 kanan kerajaan akan turut hadir di-upacara tersebut.

Sa-telah selesai upacara perbarisan itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan berangkat ka-Lapau pada jam 9.30 pagi untuk Istiadat Mengadap dan Penyampaian Bintang2 dan Pingat Kebesaran.

Dalam Istiadat itu juga Baginda akan mendengar ucapan sembah keshukoran dari penduduk dan rakyat di-negeri ini dan sa-terusnya baginda akan menyampaikan titah kapada seluruh rakyat.

Untuk mera'ikan hari keputeraan baginda yang ke-24 tahun itu perayaan selama sa-minggu telah di-ranchang bagi Daerah Brunei-Muara.

Persembahan2 anika warna, pertunjukkan kesenian dan kebudayaan, joget moden, panchak silat dan lain2 permainan akan di-adakan di-padang besar mulai hari ini hingga 22 Julai.

Di-samping itu beberapa peragaan dan perarakan juga akan di-adakan di-sepanjang perayaan itu.

PERARAKAN PENGANTIN DI-RAJA

(Dari Muka 1)

'Gegandang' itu menuju ka-Sungai Lampai, Pulau Si-Bungor, Kampung Setia, Kampung Burong Pingai dan Kampung Tamoi dan balik ka-tambatan Kastam.

Turut dalam perarakan itu termasuk-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Persurujaya Tinggi, Awang Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, serta Pehin2.

Sementara itu Istiadat Menutup Gendang Jaga2 bagi Istiadat Perkahwinan di-Raja itu telah di-langsungkan di-Istana Darul Hana petang semalam (Selasa).

Gambar2 di-sekitar Istiadat Perkahwinan Di-Raja itu di-siarkan di-muka tengah.